

Harga Dokumen Sebutharga: RM10.00

No. Siri:



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

TAWARAN SEBUT HARGA

JPNPP/400-17/2023/02

**SEBUT HARGA BAGI
MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN
SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG**

**TARIKH IKLAN SEBUT HARGA :
13 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**MASA TUTUP SEBUT HARGA :
12.00 TENGAHARI**

**SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN
SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL.	KANDUNGAN DOKUMEN SEBUT HARGA	KEGUNAAN PENYEBUT HARGA Tandakan (✓) dokumen yang disertakan	KEGUNAAN JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Lampiran A Keterangan Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Lampiran B Surat Akuan Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Lampiran C Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Lampiran D Borang Tawaran Sebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Lampiran E Skop Pelaksanaan Kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Lampiran F Jadual Spesifikasi Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Lampiran G Jadual Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Penyata Bank bagi 3 bulan terkini. (November 2022, Disember 2022 dan Januari 2023)	November 2022 <input type="checkbox"/> Disember 2022 <input type="checkbox"/> Januari 2023 <input type="checkbox"/>	November 2022 <input type="checkbox"/> Disember 2022 <input type="checkbox"/> Januari 2023 <input type="checkbox"/>
7	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SENARAI SEMAK

8	Salinan Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Salinan Pendaftaran Cukai SST (Jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Senarai <i>Curriculum Vitae</i> (CV) Pasukan Projek.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Kertas Cadangan Projek	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Resit Pembelian di ePerolehan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**** Sila lampirkan Senarai Semak di muka surat pertama Dokumen Sebut Harga yang dihantar.**

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p>
Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
	Tandatangan:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh:

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 34, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang
Tarikh : 10 FEBRUARI 2023

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. No. SebutHarga : **JPNPP/400-17/2023/02**
2. Tajuk : **SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG**
3. Tarikh Tutup : **27 Februari 2023 (Isnin) sebelum 12.00 tengahari**
4. Perhubungan : Semua perhubungan dan pertanyaan mengenai sebut harga ini serta cara penyerahan sebut harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berdaftar dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri seperti berikut :-

SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG (JPNPP/400-17/2023/02)

dan dialamatkan kepada :

Pengarah,
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 34, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

5. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar melalui **Portal Sistem Perolehan Kerajaan Negeri (sysP)** di alamat url **<http://ep.penang.gov.my>**. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar **Sistem Perolehan Kerajaan Negeri (sysP)** boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.
6. Taklimat bagi sebut harga JPNPP/400-17/2023/02 akan diadakan pada **20 Februari 2023 (ISNIN) jam 10.00 secara atas talian**. Syarikat yang berminat diwajibkan menghadiri taklimat ini. *Link* taklimat boleh didapati di **Bahagian Pengumuman, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (jhn.penang.gov.my)** serta **Portal Sistem Perolehan Kerajaan Negeri (sysP)** di (**<http://ep.penang.gov.my>**) **1 jam sebelum taklimat berlangsung**.
7. Pihak Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebarang TAWARAN SEBUT HARGA yang terendah atau mana-mana SEBUT HARGA dan SYARIKAT yang tertentu. Harga yang dikemukakan ini mestilah meliputi kos-kos yang difikirkan perlu.
8. Sebut harga yang diserahkan mestilah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang terlibat serta disahkan dengan menggunakan cop syarikat.
9. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Semua pembekal perlu mematuhi Dasar Keselamatan ICT Negeri Pulau Pinang.

11. Denda Lewat Bekal dan Pemasangan

Penyebut Harga yang berjaya mestilah menyempurnakan kontrak pembekalan dan pemasangan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak. Penyebut Harga yang berjaya akan dikenakan denda sekiranya kelewatan yang berlaku adalah berpunca daripada pembekal sendiri. Cara perkiraan denda tersebut adalah mengikut formula berikut:-

Formula bagi mengenakan denda: $(0.225\%/365 \times \text{nilai kontrak})$.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Pemilik Syarikat adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam dengan jelas segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga dan tandatangan pemilik syarikat di Ringkasan Sebut Harga,
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Jadual Harga,
- e) Jadual Spesifikasi Teknikal.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pemilik syarikat hendaklah menandatangani ringkas semua pindaan yang dilakukan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JPNPP/400-17/2023/02** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

1. Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pemilik syarikat boleh menghubungi urus setia untuk penjelasan lanjut.

3. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja).

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

5. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6. PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 6.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** seperti **Lampiran C** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. **Surat Akuan Pembida adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.**
- 6.2 Penyebut harga yang berjaya perlu menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. **Surat Akuan Pembida Berjaya adalah juga dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/ Pesanan Tempatan.**

7. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Pembekal mestilah memahami segala syarat-syarat tawaran supaya sebut harga yang dihantar adalah lengkap.

1. Segala arahan, syarat tawaran dan penentuan kerja akan dijadikan sebahagian daripada dokumen perjanjian yang akan dimeterikan.
2. Borang tawaran dan semua dokumen yang dihantar mestilah sampai di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 34, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang pada waktu dan tarikh yang ditetapkan.
3. Harga tawaran sebut harga mestilah sah selama 90 hari daripada tarikh tawaran ditutup.

4. Penyetujuan Tawaran

Pihak Kerajaan Negeri **tidak tertakluk** untuk:

- (a) Menerima mana-mana sebut harga yang menawarkan harga terendah sekali ataupun sebarang syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat.
- (b) Menawarkan keseluruhan sebut harga kepada mana-mana syarikat.

5. Harga

- 5.1 Harga bagi pembangunan sistem aplikasi yang ditawarkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia sahaja.
- 5.2 Harga yang ditawarkan hendaklah harga tetap.
- 5.3 Penyebut harga yang menawarkan harga dalam mata wang asing atau mengikut kadar perubahan mata wang asing tidak akan dipertimbangkan.

6. Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- 6.1 Penyebut harga perlu mematuhi Dasar Keselamatan ICT Negeri Pulau Pinang (DKICT).

- 6.2 Penyebut harga yang berjaya perlu menandatangani Non Disclosure Agreement (NDA).

7. Pengiklanan

- 7.1 Tiada iklan mengenai setuju terima terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan di dalam akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Pengarah Perhutanan Negeri Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

8. Penyerahan Sebutharga

- 8.1 Setiap pembekal dikehendaki menghantar Borang Tawaran Sebut Harga mengikut format asal yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang berserta susunan lampiran seperti berikut :

- (a) **Senarai Semak JPNPP/400-17/2023/02**
- (b) **Lampiran A** – Keterangan Penyebut Harga
- (c) **Lampiran B** – Surat Akuan Penyebut Harga
- (d) **Lampiran C** – Surat Akuan Pembida
- (e) **Lampiran D** – Borang Tawaran Sebut Harga
- (f) **Lampiran E** – Skop Pelaksanaan Kerja
- (g) **Lampiran F** – Jadual Spesifikasi Teknikal
- (h) **Lampiran G** – Jadual Harga
- (i) Penyata Bank bagi 3 bulan terkini. (**November 2022, Disember 2022 dan Januari 2023**)
- (j) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan Malaysia.
- (k) Salinan Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (jika ada)
- (l) Salinan Sijil Pendaftaran SST (jika ada)
- (m) Senarai *Curriculum Vitae* (CV) Pasukan Projek.
- (n) Kertas Cadangan Projek

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

- 8.2 Borang sebut harga ini mestilah ditaip dan ditandatangani oleh pegawai yang terlibat.
 - 8.3 Pembekal hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu sebut harga sahaja tanpa sebarang pilihan/ *option*.
 - 8.4 Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen sebut harga yang diposkan oleh pembekal tidak sampai atau diterima lewat dari tarikh tutup yang ditetapkan. Perlu diingatkan bahawa bukti pos tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
 - 8.5 Pembekal-pembekal dinasihatkan supaya menyerahkan borang tawaran sebut harga mereka dengan tangan bagi mengelakkan kelewatan dan apa juga kemungkinan nanti. Dokumen-dokumen itu hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dihantar ke Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 34, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.
 - 8.6 Sebut harga yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Hanya pembekal yang berjaya akan dihubungi oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.
 10. Tempoh penyempurnaan kerja di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang tidak melebihi 7 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani.

LAMPIRAN A

KETERANGAN PENYEBUT HARGA

- 1. Nama Syarikat :
- 2. Alamat Syarikat :
.....
- 3. No. Telefon :
- 4. No. Fax :
- 5. Tarikh Syarikat Ditubuhkan :

- 6. Jenis Perniagaan :
- 7. No. Pendaftaran : (Sila sertakan salinan sijil)
Kementerian Kewangan
- 8. Tarikh Tamat Pendaftaran :
- 9. Taraf Bumiputra : Ya / Tidak

(Sila sertakan salinan Sijil jika taraf bumiputra)

- 10. Lembaga Pengarah

NAMA	NO. K/P	WARGANEGARA

- 11. Nama Bank : Alamat :

.....
-
-

LAMPIRAN A – KETERANGAN PENYEBUT HARGA

- 12. Modal yang dibenarkan :
- 13. Modal Berbayar :
- 14. Kemudahan Overdraif :
- Nama Bank & Nilai :
-

15. Komposisi Modal

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

	Bilangan Pemegang	Jumlah Unit	%
a. Bumiputera :
b. Bukan Bumiputera :

16. Komposisi Kakitangan

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
Eksekutif
Teknikal
Perkeranian
Buruh/Kakitangan Rendah

17. Pejabat Sokongan Terdekat

Sila senaraikan seperti di bawah.

BIL.	ALAMAT	NEGERI	JUMLAH KAKITANGAN TEKNIKAL

LAMPIRAN A – KETERANGAN PENYEBUT HARGA

18. Pengalaman

Sila senaraikan butir-butir pengalaman dalam kerja-kerja semasa dan projek yang berkaitan bagi tempoh 5 tahun lepas sekiranya ada. Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi.

BIL.	NAMA KONTRAK DAN SKOP KERJA	NAMA SYARIKAT / ORGANISASI SERTA LOKASI	NILAI PROJEK (RM)	TEMPOH DAN TARIKH TAMAT PROJEK

19. Tempoh Masa Tindakbalas (Response Time) yang diperlukan untuk memberikan servis apabila diperlukan oleh pelanggan :

20. Perakuan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN B

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 34, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG.

Kami telah baca dan faham segala syarat-syarat seperti yang tercatat di Lampiran Kenyataan Tawaran Sebut Harga dan dengan ini bersetuju untuk mengemukakan sebut harga bagi perkara di atas seperti berikut :-

Ringgit Malaysia :

.....
.....
.....

(RM)

2. Kami bersetuju bahawa tawaran ini sah bagi tempoh sehingga 90 hari dari tarikh tawaran ini ditutup.
3. Kami faham bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga yang menawarkan harga terendah.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Pembekal :

Nama :

No.Kad Pengenalan :

Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

No.Telefon :

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/ Sebutharga)

.....
Saya **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P. **(No. KP)** yang
mewakili **(Nama Syarikat)** nombor
Pendaftaran **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau mana-mana individu lain,
sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini
dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau
mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut
harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut
kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan)

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI
PEMBANGUNAN SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN
PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
(JPNPP/400-17/2023/02)**

Saya nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan..

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

LAMPIRAN D

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
JPNPP/400-17/2023/02

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

**SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN
SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG.**

Kepada (Nama Syarikat)..... | Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh
..... | Kementerian/Jabatan
..... | **Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang,**
..... | **Tingkat 34, KOMTAR,**
..... | **10000 Pulau Pinang**

No. Telefon: |

No. Pendaftaran dengan Kementerian |

Kewangan: | No. Telefon: **04-2625272**

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan |

dengan pembelian ini |

210103 dan 210104 |

| Tarikh: **13 Februari 2023**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **SEPERTI DI KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **dalam tempoh tidak melebihi 7 bulan daripada Surat Setuju Terima ditandatangani.**
 - 1.3 Arahan pengiriman Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 34, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **JPNPP/400-17/2023/02**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari 27 Februari 2023.
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **13/2/2023**

Tandatangan:

Nama Pegawai: **MUHAMMAD EZHAR BIN YUSUF**
Pegarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri
Pulau Pinang

Jawatan:

LAMPIRAN D

Bil.	Perihal bekalan / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran Kuantiti / Kelekatan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk diisi oleh penyebut Harga	
	<p>SEBUT HARGA BAGI MEMBANGUN, MENGUJI DAN MENTAULIAH BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG</p> <p>Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan ditawarkan dalam tempoh tidak melebihi 7 bulan daripada Surat Setuju Terima ditandatangani.</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p>	Rujuk Lampiran G (Jadual Harga)	JUMLAH	_____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga:

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:

Mustahak — Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN
MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN E

1. PENDAHULUAN

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) akan membangunkan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang berasaskan web bagi Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang di bawah pengurusan bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan bahagian Penguatkuasaan Hutan dan Usahasil dan Industri. Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang merupakan satu sistem untuk menguruskan proses pembayaran secara talian bagi memudahkan pengguna awam supaya tidak perlu hadir ke pejabat untuk membuat pembayaran perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk kutipan negeri tanpa tunai menjelang 2023. Selain itu, mengubah landskap penyampaian JPNPP dengan memanfaatkan teknologi komunikasi dan komputer (ICT)

2. TUJUAN

Mewujudkan satu pangkalan data yang dinamik dan membangunkan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang yang lebih interaktif dan berupaya memenuhi keperluan-keperluan baharu pengurusan pembayaran secara atas talian.

3. CADANGAN PROJEK

3.1 Konsep utama projek ini ialah membangunkan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang yang interaktif dan dinamik selaras dengan penggunaan teknologi terkini. Projek merangkumi modul-modul berikut:

- a) Modul Pengguna Awam
- b) Modul Pentadbir
- c) Modul Pembayaran
- d) Modul Integrasi
- e) Modul Laporan
- f) Modul Penyelenggaraan


3.2 Cadangan pelaksanaan pembangunan projek ini adalah secara *one off* seperti dibawah:

3.2.1 Pembangunan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

- a) Dokumen Pemulaan Projek dan *Information Security Management Plan*
- b) Kajian Keperluan Pengguna (URS)
- c) Modul Pengguna Awam
- d) Modul Pentadbir
- e) Modul Pembayaran
- f) Modul Integrasi
- g) Modul Laporan
- h) Modul Penyelenggaraan
- i) Laporan Ujian Sistem
- j) Laporan Serahan Sistem
- k) Dokumentasi Sistem dan Teknikal
- l) Latihan Teknikal dan Pengguna

3.3 Berikut adalah Gambarajah yang menunjukkan proses kerja Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang



Rajah 1: Proses Kerja bagi Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

3.4 Berikut adalah kategori pengguna yang terlibat.

1. Pengguna Sistem	Orang Awam
2. Pentadbir Sistem	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Penguatkuasa Hutan Usahasil dan Industri
3. Pentadbir Teknikal Sistem	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Jadual 1: Kategori Penggunaan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

4. SKOP PROJEK

Sebut Harga ini adalah Sebut Harga Bagi Membangun, Menguji Dan Mentauliah Bagi Pembangunan Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Skop projek bagi sebut harga ini adalah:

- a) Dokumen Pemulaan Projek dan *Information Security Management Plan*
- b) Kajian Keperluan Pengguna (URS)
- c) Menempatkan sistem ini di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), di Kulim dengan menggunakan domain Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- d) Modul Pengguna Awam
- e) Modul Pentadbir
- f) Modul Pembayaran
- g) Modul Integrasi
- h) Modul Laporan
- i) Modul Penyelenggaraan
- j) Laporan Ujian Sistem
- k) Laporan Serahan Sistem
- l) Dokumentasi Sistem dan Teknikal
- m) Latihan Teknikal dan Pengguna

5. KOMPONEN PROJEK

5.1 Aspek Teknikal

Di dalam memenuhi dan mempertingkatkan penggunaan dan kecekapan pengurusan sistem, maka ciri-ciri terkini bagi pembangunan yang menggabungkan penggunaan HTML5, JQuery, CSS dan Bootstrap adalah perlu supaya sistem yang dibangunkan berkonsepkan Web 2.0 dan interaktif.

Sistem ini akan dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP versi terkini dan MySQL DB versi terkini sebagai pangkalan data dan sistem pengoperasian menggunakan Linux. Pembangunan aplikasi menggunakan teknologi pembangunan berasaskan Framework Laravel.

Sistem yang dibangunkan ini juga akan ditempatkan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), di Kulim dengan menggunakan domain Kerajaan Negeri Pulau Pinang .

5.1.1 Ciri-Ciri Sistem

Sistem yang dibangunkan akan mengekalkan ciri-ciri sistem sedia ada disamping beberapa penambahbaikan yang dikenal pasti. Berikut adalah cadangan keperluan asas sistem dan ciri-ciri sistem yang akan dibangunkan berdasarkan kategori pengguna:

BIL	KEPERLUAN ASAS
I.	KEPERLUAN ASAS PERISIAN PEMBANGUNAN SISTEM
1.	Bahasa Pengaturcaraan : PHP: Hypertext Preprocessor.
2.	Web Server : Apache.
3.	Pangkalan Data : MySQL.
4.	CSS dan Bootstrap.
5.	Java Script : JQuery.
6.	Chart JS.
7.	PDF Converter :TCPDF/DOMPDF.
8.	Browser: Serasi Dengan Internet Explorer, Mozilla, Chrome.
9.	Mesra peranti mudah alih : Smartphone,IPAD,Tablet.
10.	Menyokong IPV6.
11.	Framework : LARAVEL.
II.	KEPERLUAN ASAS SISTEM
1.	Kemudahan untuk memaparkan informasi dan pengumuman yang Interaktif.
2.	Statistik pengunjung laman.
3.	Kemudahan carian yang umum untuk orang awam dan pentadbir sistem.
4.	Manual penggunaan / Tatacara pengisian borang.
5.	Kemudahan membuat maklum balas dan info korporat.
6.	Kemudahan <i>reset</i> kata laluan.
8.	Kemudahan menukar kata laluan.
9.	Kaedah pembayaran perkhidmatan adalah melalui kaunter atau secara atas talian.
10.	Bagi pembayaran melalui atas talian, sistem berupaya berinteraksi dengan Sistem eBayar .
11.	Kawalan input pengguna, notifikasi, <i>auto checking and verification</i> .
12.	Kemudahan paparan maklumat (<i>dashboard</i>).
13.	Ruangan pengumuman.

LAMPIRAN E – SKOP PELAKSANAAN PROJEK

	14.	Ringkasan statistik maklumat pembayaran perkhidmatan, senarai pengguna dan sebagainya.
	15.	Lain-lain keperluan, sekiranya ada. -----
III.	KEPERLUAN KESELAMATAN	
	1.	Sistem menyokong / serasi dengan HTTPS.
	2.	Mempunyai kemudahan CAPTCHA WORD untuk input yang diterima daripada pihak awam.
	3.	Menyekat capaian bagi cubaan login yang gagal.
	4.	Tidak membenarkan login serentak bagi id pengguna yang sama.
	5.	Menyediakan kemudahan <i>audit trail</i> .
	6.	<i>Auto Log Off</i> Bagi Pengguna Yang Tidak Aktif.
	7.	Mempunyai kemudahan semakan ralat.
	8.	Tapisan keselamatan untuk mengelakkan serangan <i>SQL Injection / Cross Side Scripting</i> .
	9.	Memastikan muat naik hanya membenarkan <i>extension</i> fail yang dibenarkan sahaja.
	10.	Capaian pengguna mengikut modul yang dibenarkan sahaja. (<i>Access Limitation</i>).
	11.	Memastikan kata laluan mempunyai gabungan teks, nombor dan aksara khas dan mempunyai bilangan aksara minimum.
	12.	Had tempoh penukaran kata laluan untuk tempoh 90 hari.

Jadual 2: Keperluan Asas Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

5.2.1 Modul Pengguna awam

Modul ini melibatkan pembayaran perkhidmatan atas talian mengikut perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna awam. Pengguna awam akan memilih perkhidmatan yang hendak digunakan untuk membuat pembayaran apabila mendapat kelulusan daripada Jabatan.

BIL	CIRI-CIRI SISTEM
I	Pembayaran <i>Online</i> (Capaian Awam)
	1. Pendaftaran pengguna
	2. Paparan Senarai Perkhidmatan
	3. Senarai semak sejarah pembayaran mengikut perkhidmatan yang digunakan.
	4 . Kemudahan cetak slip pembayaran dan sejarah pembayaran.
	5. Lupa kata laluan
	6. Dashboard pengguna awam
	7. Maklum balas dan semak maklum balas

Jadual 3: Modul Pengguna awam

5.2.2 Modul Pentadbir dan Modul Laporan

Modul adalah bertujuan mengurus pengguna sistem serta pertanyaan berhubung Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan. Selain itu, menjana beberapa laporan melalui sistem ini.

BIL	CIRI-CIRI SISTEM
	A. Modul Pentadbir
	1. Dashboard pentadbir
	2. Menyemak senarai pengguna mengikut kod hasil
	3. <i>Audit Trail Log</i> .
	4. Lupa kata laluan.
	5. Semak dan jawab maklum balas
	B. Modul Laporan
	- Semua laporan boleh dijana dalam format pdf dan excel - Semua jenis laporan disediakan kemudahan janaan laporan secara fleksible mengikut medan/maklumat ditetapkan
	1. Laporan transaksi mengikut kod hasil
	2. Semakan Status Pembayaran.
	3. Laporan mengikut jenis transaksi.
	4. Laporan statistik pengguna/profil.
	5. Laporan bilangan maklumbalas yang belum dan telah dijawab.
	6. Laporan resit pembayaran mengikut kod hasil
	7. Carian nombor resit pembayaran mengikut kod hasil
	8. Senarai keseluruhan invois dan resit
	9. Lain-lain laporan tambahan sekiranya ada

Jadual 4: Modul Pentadbir dan Modul Laporan

5.2.3 Modul Pembayaran

Modul ini melibatkan proses pembayaran perkhidmatan Jabatan daripada pengguna awam ke Jabatan Perhutanan Negeri secara atas talian.

BIL	CIRI-CIRI SISTEM
I. Pembayaran secara atas talian	
	1. Membuat pembayaran perkhidmatan secara atas talian.(Sekiranya pengguna awam tidak mahir menggunakan pembayaran secara atas talian, pengguna awam boleh membayar secara manual dan pentadbir boleh mengemaskini secara manual di dalam sistem pembayaran tersebut mengikut kod hasil.)
	2. Mencetak bil/invois
	3. Mencetak resit.
	4. Notifikasi maklumat pembayaran perkhidmatan kepada pengguna awam dan pentadbir.
	5. Menyemak sejarah pembayaran perkhidmatan mengikut kod hasil

Jadual 5: Modul Pembayaran

5.2.4 Modul Integrasi

Modul ini melibatkan proses integrasi dengan eBayar (*gateway*) melalui *Application programming interface* (API).

CIRI-CIRI SISTEM
I. Integrasi
1. Proses integrasi ini melibatkan eBayar (<i>gateway</i>) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui <i>Application programming interface</i> (API) untuk menyambung proses pembayaran.

Jadual 6: Modul Integrasi

5.2.5 Modul Penyelenggaraan

Modul penyelenggaraan ini sentiasa dapat menambah dan mengemaskini kod hasil, perkhidmatan dan pengumuman daripada semasa ke semasa jika terdapat apa-apa sebarang pengemaskinian.

BIL	CIRI-CIRI SISTEM
I	Penyelenggaraan
	A. Penyelenggara
	1. Kod hasil
	2. Perkhidmatan
	3. Pengumuman

Jadual 7 : Modul Penyelenggaraan

- 6. LIABITI TERHADAP DATA SISTEM PEMBAYARAN SECARA ATAS TALIAN PERKHIDMATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG.**
- 6.1 Penyebut harga yang berjaya adalah bertanggungjawab memastikan keselamatan data Sistem Pembayaran Secara Atas Talian Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.
- 6.2 Penyebut harga perlu mengisi dan melengkapkan borang keselamatan dan kerahsiaan data yang akan diberikan kepada Penyebut harga yang berjaya dan menyerahkan kepada Urus setia.
- 6.3 Semua bahan-bahan, maklumat atau data sama ada *hardcopy* atau digital jika ada dibekalkan mestilah dipulangkan semula kepada agensi berkenaan sebaik sahaja selesai digunakan.
- 6.4 Data yang dibekalkan dan dihasilkan tidak dibenarkan dibuat salinan dengan apa cara sekalipun dan tidak boleh digunakan bagi apa-apa tujuan lain selain daripada tujuan Sebut harga ini. Semua data tersebut hendaklah dipadamkan dari sebarang media pihak Penyebut harga setelah keseluruhan perkhidmatan ini sempurna dilaksanakan. Penyebut harga hendaklah mencadangkan kaedah yang akan dilaksanakan untuk memastikan data tersebut benar-benar dapat dipadamkan bagi menjamin keselamatan data yang telah dibekalkan dan data yang telah dihasilkan.
- 6.5 Penyebut harga mesti menjalankan kerja di lokasi yang akan ditentukan oleh pihak Urus setia. Penyebut harga tidak dibenarkan membawa keluar sebarang perkakasan atau peralatan dari lokasi kecuali setelah mendapat kebenaran dari pihak Jabatan.
- 6.6 Penyebut harga dikehendaki menyediakan perkakasan/peralatan dan aplikasi berkaitan bagi melaksanakan skop kerja. Jika menggunakan perkakasan/peralatan dari Jabatan, ianya tidak dibenarkan dibawa keluar dari premis kecuali setelah mendapat kebenaran dari pihak Jabatan.

7. TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan bagi tawaran ini adalah selama **Tujuh bulan (7) bulan** dan memenuhi kehendak dan keperluan seperti yang telah ditetapkan.

8. HAKMILIK DAN *INTELLECTUAL PROPERTY RIGHT* (IPR)

8.1 *Source Code*

Semua *source code* yang dibangunkan, dokumentasi, manual operasi, laporan projek, hasil projek dan lain-lain perkara yang terlibat dalam proses kerja Sebut harga ini yang disediakan adalah menjadi hakmilik Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Ia mestilah dibekalkan dalam bentuk *hardcopy* dan juga *softcopy*.

8.2 *Intellectual Property Right (IPR)*

IPR untuk hasil kerja yang dilaksanakan adalah menjadi hakmilik Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sepenuhnya.

8.3 *Copy Right*

Copy right bagi hasil-hasil kerja yang dijalankan akan menjadi hakmilik Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sepenuhnya.

9. MANUAL DAN DOKUMENTASI

Penyebut harga hendaklah menyerahkan dokumentasi dan media yang disertakan bersama perisian yang dibekalkan sekiranya ada.

LAMPIRAN F

A) KEPERLUAN ASAS

BIL	KEPERLUAN ASAS	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
1.	Penyebut harga perlu mematuhi Skop Pelaksanaan Projek seperti yang dinyatakan di Lampiran E . Jika skop yang dicadangkan berlainan dengan skop yang telah diberikan, sila kemukakan cadangan skop pelaksanaan.		
2.	Penyebut harga perlu mengemukakan <i>Curriculum Vitae</i> (CV) Pasukan Projek dan Kertas Cadangan Projek.		
I.	KEPERLUAN ASAS PERISIAN PEMBANGUNAN SISTEM		
1.	Bahasa Pengaturcaraan : PHP: Hypertext Preprocessor.		
2.	Web Server : Apache.		
3.	Pangkalan Data : MySQL.		
4.	CSS dan Bootstrap.		
5.	Java Script : JQuery.		
6.	Chart JS.		
7.	PDF Converter :TCPDF/DOMPDF.		
8.	Browser: Serasi Dengan Internet Explorer, Mozilla, Chrome.		
9.	Mesra peranti mudah alih : Smartphone,IPAD,Tablet.		
10.	Menyokong IPV6.		
11.	Framework : LARAVEL.		

LAMPIRAN F– JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

II.	KEPERLUAN ASAS SISTEM		
1.	Kemudahan untuk memaparkan informasi dan pengumuman yang Interaktif.		
2.	Statistik pengunjung laman.		
3.	Kemudahan carian yang umum untuk orang awam dan pentadbir sistem.		
4.	Manual penggunaan / Tatacara pengisian borang.		
5.	Kemudahan membuat maklum balas dan info korporat.		
6.	Kemudahan <i>reset</i> kata laluan.		
8.	Kemudahan menukar kata laluan.		
9.	Kaedah pembayaran perkhidmatan adalah melalui kaunter atau secara atas talian.		
10.	Bagi pembayaran melalui atas talian, sistem berupaya berinteraksi dengan Sistem eBayar .		
11.	Kawalan input pengguna, notifikasi, <i>auto checking and verification</i> .		
12.	Kemudahan paparan maklumat (<i>dashboard</i>).		
13.	Ruangan pengumuman.		
14.	Ringkasan statistik maklumat pembayaran perkhidmatan, senarai pengguna dan sebagainya.		
15.	Lain-lain keperluan, sekiranya ada.. -----		
III.	KEPERLUAN KESELAMATAN		
1.	Sistem menyokong / serasi dengan HTTPS.		
2.	Mempunyai kemudahan CAPTCHA WORD untuk input yang diterima daripada pihak awam.		

LAMPIRAN F– JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

3.	Menyekat capaian bagi cubaan login yang gagal.		
4.	Tidak membenarkan login serentak bagi id pengguna yang sama.		
5.	Menyediakan kemudahan <i>audit trail</i> .		
6.	<i>Auto Log Off</i> Bagi Pengguna Yang Tidak Aktif.		
7.	Mempunyai kemudahan semakan ralat.		
8.	Tapisan keselamatan untuk mengelakkan serangan <i>SQL Injection / Cross Side Scripting</i> .		
9.	Memastikan muat naik hanya membenarkan <i>extension</i> fail yang dibenarkan sahaja.		
10.	Capaian pengguna mengikut modul yang dibenarkan sahaja. (<i>Access Limitation</i>).		
11.	Memastikan kata laluan mempunyai gabungan teks, nombor dan aksara khas dan mempunyai bilangan aksara minimum.		
12.	Had tempoh penukaran kata laluan untuk tempoh 90 hari.		

B) MODUL PENGGUNA AWAM

BIL	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
I	Pembayaran <i>Online</i> (Capaian Awam)		
	1. Pendaftaran pengguna		
	2. Paparan Senarai Perkhidmatan		
	3. Senarai semak sejarah pembayaran mengikut perkhidmatan yang digunakan.		
	4 . Kemudahan cetak slip pembayaran dan sejarah pembayaran.		
	5. Lupa kata laluan		
	6. Dashboard pengguna awam		
	7. Maklum balas dan semak maklum balas		

C) MODUL PENTADBIR DAN MODUL LAPORAN

BIL	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
1	A. Modul Pentadbir		
	1. Dashboard pentadbir		
	2. Menyemak senarai pengguna mengikut kod hasil		
	3. Audit <i>Trail Log</i> .		
	4. Lupa kata laluan.		
	5. Semak dan jawab maklum balas		
	B. Modul Laporan		
	- Semua laporan boleh dijana dalam format pdf dan excel - Semua jenis laporan disediakan kemudahan janaan laporan secara fleksible mengikut medan/maklumat ditetapkan		
	1. Laporan transaksi mengikut kod hasil		
	2. Semakan Status Pembayaran.		
	3. Laporan mengikut jenis transaksi-		
	4. Laporan statistik pengguna/profil.		
	5. Laporan bilangan maklumbalas yang belum dan telah dijawab.		
	6. Laporan resit pembayaran mengikut kod hasil		
	7. Carian nombor resit pembayaran mengikut kod hasil		
	8. Senarai keseluruhan invois dan resit		

LAMPIRAN F– JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

9. Lain-lain laporan tambahan sekiranya ada		
---	--	--

D) MODUL PEMBAYARAN

BIL	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
I.	Pembayaran secara atas talian		
	1. Membuat pembayaran perkhidmatan secara atas talian.(Sekiranya pengguna awan tidak mahir menggunakan pembayaran secara atas talian, pengguna awan boleh membayar secara manual dan pentadbir boleh mengemaskini secara manual di dalam sistem pembayaran tersebut mengikut kod hasil.)		
	2. Mencetak bil/invois		
	3. Mencetak resit.		
	4. Notifikasi makluman pembayaran perkhidmatan kepada pengguna awam dan pentadbir.		
	5. Menyemak sejarah pembayaran perkhidmatan mengikut kod hasil		

E) MODUL INTEGRASI

BIL	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
	I. Integrasi		
	1. Proses integrasi ini melibatkan eBayar (<i>gateway</i>) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui <i>Application programming interface</i> (API) untuk menyambung proses pembayaran.		

G) MODUL PENYELENGGARAAN

BIL	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
I	Penyelenggaraan		
	A. Menyelenggara		
II	1. Kod hasil		
	2. Perkhidmatan		
III	3. Pengumuman		

H) LAIN-LAIN KEPERLUAN

BIL.	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
1.	Penyebut Harga WAJIB mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:		
a)	Dokumen Pemulaan Projek dan <i>Information Security Management Plan</i> .		
b)	Dokumentasi Kajian Keperluan Pengguna (URS)		
c)	Dokumentasi Spesifikasi Sistem dan Reka Bentuk Sistem		
d)	Dokumentasi Manual Pengguna dan Teknikal.		
e)	Jadual Pelaksanaan Projek		
f)	Pengujian Ujian Penerimaan Awal (PAT) dan Ujian Penerimaan Akhir (FAT).		
g)	Laporan Ujian Sistem		
h)	Laporan Serahan Projek		
2.	Latihan pengembangan <ul style="list-style-type: none"> a) Pakej Latihan hands on sistem pentadbir dan pengguna; dan <ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbir – 2 sesi ii. Teknikal – 2 sesi. 		

LAMPIRAN F– JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	CIRI-CIRI SISTEM	KEPATUHAN (YA/TIDAK)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (DIISI OLEH PENYEBUT HARGA)
	b) Video tutorial untuk orang awam dan pentadbir sistem (laman web dan sistem)		

PERAKUAN PENYEBUT HARGA

Saya mengesahkan bahawa harga yang ditawarkan adalah tetap dan akan laku (*Valid*) serta tidak akan ditarik balik untuk tempoh Sembilan Puluh Hari (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Saya juga mengesahkan versi yang ditawarkan adalah yang terkini di pasaran.

.....

Cop Rasmi Nama & Jawatan :

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN G – JADUAL HARGA

BIL	SPEKIFIKASI	KUANTITI	HARGA (RM)
1.	PEMBANGUNAN MODUL SISTEM		
a)	Modul Pengguna Awam	1 Lot	
b)	Modul Pentadbir	1 Lot	
c)	Modul Pembayaran	1 Lot	
d)	Modul Integrasi	1 Lot	
e)	Modul Laporan	1 Lot	
f)	Modul Penyelenggaraan	1 Lot	
2.	KEPERLUAN ASAS LAIN		
a)	Latihan pengembangan <ul style="list-style-type: none"> a) Pakej Latihan hands on sistem pentadbir dan pengguna; dan <ul style="list-style-type: none"> i. Pentadbir – 2 sesi ii. Teknikal – 2 sesi. b) Video tutorial untuk orang awam dan pentadbir sistem (laman web dan sistem) 	1 Lot	
b)	Dokumentasi: <ul style="list-style-type: none"> i. Dokumen Pemulaan Projek dan Information Security Management Plan. ii. Dokumentasi Kajian Keperluan Pengguna (URS) iii. Dokumentasi Spesifikasi Sistem dan Reka Bentuk Sistem iv. Dokumentasi Manual Pengguna dan Teknikal. v. Pengujian Ujian Penerimaan Awal (PAT) dan Ujian Penerimaan Akhir (FAT) 	1 Lot	

	vi. Laporan Ujian Sistem		
	vii. Laporan Serah Projek		
	JUMLAH TAWARAN (RM)		
	6% SST (RM)		
	JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN (RM)		

PERAKUAN PENYEBUT HARGA

Saya mengesahkan bahawa harga yang ditawarkan adalah tetap dan akan laku (*Valid*) serta tidak akan ditarik balik untuk tempoh Sembilan Puluh Hari (90) hari dari tarikh tutup sebutharga. Saya juga mengesahkan versi yang ditawarkan adalah yang terkini di pasaran.

.....

Cop Rasmi Nama & Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :